

10/03/2000

NUTP beri enam cadangan

Kadir Dikoh

SUBANG, Khamis - Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) akan menghantar memorandum mengandungi enam cadangan bagi menangani masalah beg murid sekolah terlalu berat kepada Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, Isnin ini.

Setiausaha Agung NUTP, N Siva Subramaniam, berharap Musa mempertimbangkan cadangan itu dalam usaha menyelesaikan isu yang menimbulkan keresahan di ibu bapa.

"Saya tidak boleh beritahu cadangan itu. Biarlah Kementerian Pendidikan meneliti dan mempertimbangkannya terlebih dahulu.

"Masalahnya kalau beg terlalu berat, ia memberi kesan serius terhadap kesihatan murid," katanya ketika ditemui selepas mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berlepas ke Jakarta di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, di sini hari ini.

Isu beg murid sekolah terlalu berat itu mencetuskan kontroversi baru-baru ini berikutan kebimbangan ibu bapa yang menyalahkan pihak sekolah kerana didakwa tidak mengatur jadual lebih tersusun.

Bagaimanapun, Kementerian Pendidikan dalam satu kenyataan 5 Februari lalu menganggap isu beg berat itu tidak berasas dan menyatakan ia bukanlah isu baru atau perkara serius.

Sebaliknya, ia mendakwa tinjauan rambang di 25 sekolah di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan itu mendapati masalah berkenaan berpunca daripada beg sekolah yang sedia berat selain barang lain yang tiada kaitan dengan pembelajaran.

NUTP mempertikaikan rumusan itu kerana kajian di 25 sekolah tidak mencukupi untuk memberi gambaran sebenar, sedangkan isu beg berat ini diketahui semua orang.

Siva yang juga Presiden Cuepacs berkata masalah beg berat itu didapati secara menyeluruh sama ada di sekolah dalam bandar atau luar bandar dan ia perlu ditangani dengan sebaik mungkin.

Bagaimanapun katanya, memang ada murid menggunakan beg berat termasuk jenis menggunakan roda dan sesetengah ibu bapa membantu membawa beg itu sewaktu menghantar anak ke sekolah.

Beliau berkata, pihak Universiti Teknologi Mara (UiTM) sedang mengkaji untuk mencipta prototaip beg sekolah yang diharap dapat mengurangkan beban pelajar membawa beg berat.

Baru-baru ini ahli Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM) yang juga pensyarah reka bentuk di universiti berkenaan, Prof Dr Muhammad Tamyaz Bajuri, berkata kajian itu akan dijalankan selama enam bulan dengan kerjasama pelajar seni reka bentuk perindustrian UiTM.

Mengenai keselamatan murid, beliau berkata masalah itu perlu ditangani di peringkat sekolah dengan kerjasama Persatuan Ibu bapa Guru (PIBG),

(END)